

18/04/1998

Laluan Kedua titian perkukuh kerjasama

Saodi Mat Atar

KALAM boleh patah manakala dakwat mungkin kering jika mahu menulis mengenai perhubungan Malaysia-Singapura yang penuh waspada bagi memastikan keakraban sesama jiran sejak kedua-dua negara mencapai kedaulatan masing-masing.

Halangan muncul silih berganti sehingga pernah menggugat semangat setiakawan menjadikan pemimpin sentiasa mencari jalan menjernihkan kekeruhan yang wujud secara sengaja ataupun tidak.

Perdana Menteri kedua-dua negara sebenarnya sering bertemu dalam pelbagai majlis antarabangsa, namun pertemuan mereka sejak akhir-akhir ini menjadi semakin penting berikutan masih ada beberapa isu belum selesai.

Mungkin tidak banyak yang sempat dibincangkan dalam pertemuan singkat kedua-dua pemimpin terbabit pagi ini, namun perasmian bersama itu menandakan pengukuhan kerjasama kedua-dua negara bermula daripada merancang sehinggalah kepada menyiapkan jambatan berharga lebih RM300 juta itu.

Kalau Tambak Johor yang merentangi Selat Tebrau sudah berbakti sejak 73 tahun lalu sebagai jambatan muhibah, kini Laluan Kedua menghubungkan Tanjung Kupang (Johor) dan Tuas (Singapura) mempereratkannya lagi.

Kerjasama fizikal ini seharusnya ikut diterapkan dalam semangat perhubungan Malaysia-Singapura yang cuba dikembalikan kepada sediakala dalam beberapa pertemuan Mahathir-Goh sejak awal tahun ini.

Pertemuan di Laluan Kedua ini pula adalah yang pertama selepas perbincangan bermakna selama 90 minit ketika Goh mengadakan lawatan kerja selama dua hari ke Malaysia pada 16 Februari lalu.

Goh menganggap perhubungan Malaysia-Singapura sudah dapat diletakkan di atas landasan yang betul sekalipun beberapa isu terutama soal air, tanah di Tanjung Pagar dan tuntutan bertindih Pulau Batu Putih masih belum terlerai.

"Hubungan kedua-dua negara kini bertambah baik berbanding tahun lalu," kata Goh yang pastinya merujuk kepada ketegangan hubungan berikutan kenyataan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew mengenai kadar jenayah di Johor Bahru.

Cetusan peristiwa yang terbit daripada affidavit Lee terhadap pembangkang Singapura pada awal tahun lalu itu, membuatkan Malaysia dan Singapura mengakui pemulihan perhubungan mengambil masa dan keadaan sedemikian bukanlah pertama kali berlaku.

Sebelum itu, Lee yang juga Bekas Perdana Menteri Singapura dan berpengalaman dari segi politik di Semenanjung, pernah menuduh Kerajaan Malaysia tidak mengamalkan meritokrasi pada Jun 1996.

Kedua-dua kenyataan Lee itu adalah sensitif bagi rakyat dan pemimpin di Malaysia, namun tiga isu yang belum selesai di antara Malaysia dan Singapura adalah lebih sensitif.

Isu tanah milik Keretapi Malaysia di Tanjung Pagar, bekalan air ke Singapura dan isu hak milik Pulau Batu Putih yang terletak kira-kira 15 kilometer dekat pantai Johor, sudah lama berlarutan.

Kini, Isu Pulau Batu Putih dirujuk kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa di Belanda. Malaysia pula bersetuju meneruskan bekalan air ke Singapura selepas perjanjian mengenainya pada 1960 dan 1961 berakhir pada tempoh yang ditetapkan iaitu 2011 dan 2061.

Ketika ini, soal pembekalan air ke Singapura selepas tahun 2061 itu masih belum diperincikan dan Johor sudah menegaskan supaya penjualan air

itu hendaklah dibuat selepas dirawat di negeri itu dan bukannya secara air mentah seperti sekarang.

Mengikut perjanjian sedia ada, Malaysia membekalkan 214 juta liter air mentah sehari ke Singapura dan membeli balik 35 juta liter air yang sudah ditapis daripada loji milik republik itu di Johor.

Walhal, dalam keadaan sekarang Johor sendiri sudah mampu membekalkan air bersih kepada penduduknya tanpa perlu bekalan dari Singapura. Pada masa sama, masih ada kawasan di negeri itu yang belum mendapat manfaat kemudahan asas terbabit.

Namun pendirian Johor itu tidak seharusnya dilihat oleh Singapura sebagai satu manifestasi merisaukan kerana Dr Mahathir sudah memberi jaminan kepada Goh bahawa pembekalan air tetap diteruskan.

Bagaimanapun, Singapura tetap Singapura, dan mereka sentiasa kelihatan bimbang dengan soal itu menyebabkan isu sama dibangkitkan oleh pemimpinnya mahupun media negara itu setiap kali ada berkesempatan.

Malah pada Jun lalu, ketika kekeruhan hubungan disebabkan Lee belum reda sepenuhnya, Kerajaan Singapura mengumumkan rancangan pembinaan loji penyulingan air dan kenaikan harga air bagi mengurangkan pergantungan kepada Malaysia.

Seorang pemimpin Singapura dipetik sebagai berkata: " Pada kadar pertumbuhan sekarang, sehingga 2011 apabila perjanjian air pertama tamat, jika ia tidak diperbaharui, kita akan kekurangan air."

Nampaknya Singapura dengan keluasan 626km persegi dengan lebih tiga juta penduduk, sentiasa tidak nyenyak tidur sedangkan perhubungan kedua-dua negara berjalan lancar, melainkan apabila ada pemimpin atau bekas pemimpin gatal mulut mencampuri urusan yang amat sensitif.

Sudah banyak usaha positif dilakukan bersama untuk mengukuhkan hubungan apatah lagi setiap kali ia tercemar kerana dek celupar mulut dan Dr Mahathir pernah membangkitkan bahawa perbuatan itu kadangkala menyukarkan usaha mengekalkan hubungan baik antara kedua-dua negara.

Beliau juga pernah mengatakan banyak yang tidak diketahui oleh orang ramai dan rakyat kedua-dua negara mengenai beberapa isu perlu diselesaikan dalam perhubungan itu.

Kini, pembukaan Laluan Kedua menandakan keyakinan terhadap masa depan perhubungan dua tetangga yang ada kaitan sejarah, budaya dan sosial, lebih awal sebelum Gabenor Sir Laurence Guillemard merasmikan Tambak Johor untuk menjadi jambatan muhibah pertama pada 28 Jun 1924.

Perhubungan itu diperkukuh oleh kerjasama ekonomi, sekali gus keadaan Singapura dan Johor khususnya mungkin tidak akan sebaik sekarang jika tiada laluan pertama itu yang menghubungkan Tanjong Puteri dan Woodlands di Singapura.

Perdagangan Malaysia dengan Singapura adalah ketiga terbesarnya selepas Amerika Syarikat dan Jepun, dan yang paling tinggi sesama negara Asean terutama ketika meningkat 10 peratus daripada RM66 bilion pada 1996 kepada RM73.4 bilion tahun lalu.

Pelabur Singapura pula semakin betah meluaskan sayap perniagaan mereka di Semenanjung, dan sepanjang tujuh tahun lalu, Malaysia meluluskan 2,077 projek bernilai RM13 bilion kepada syarikat dari republik itu.

Secara harian pula, purata 50,000 orang berulang alik melalui Tambak Johor setiap hari untuk mencari nafkah sama ada di Johor atau di Singapura, manakala lebih 10,000 kenderaan menggunakan Laluan Kedua.

Setiap kali ada cuti hujung minggu yang panjang, berduyun-duyun rakyat Singapura ke Johor termasuk baru-baru ini apabila dianggarkan 60,000 kenderaan menyeberang menerusi Laluan Kedua dan 90,000 lagi di Tambak Johor.

Sesungguhnya, selepas pemisahan dengan Semenanjung, Singapura berkembang dan maju manakala Malaysia juga membangun mengikut acuannya sendiri. Sudah

tentu dalam proses menyesuaikan diri dan membentuk identiti itu, masing-masing berdepan dengan masalah perhubungan dengan jiran.

Begitupun, setiap kali ada salah faham, perselisihan cuba diredakan menerusi semangat kejiranan. Kali ini, biarlah semangat kejiranan itu bukan sekadar menjadi penyelamat perhubungan, tetapi dipupuk dengan matlamat saling memakmurkan jiran.

(END)